



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 17 JULAI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	NELAYAN SANDAKAN TERIMA PELBAGAI BANTUAN DI BAWAH KPKM, SH -ONLINE MALAYSIA SASAR PENGELUARAN 40 PERATUS SEKTOR AKUAKULTUR MENJELANG 2030, ASTRO AWANI -ONLINE SASAR SSR PERIKANAN CECAH 97 PERATUS PADA 2030 -ARTHUR JOSEPH, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE KERAJAAN PERUNTUK RM100 JUTA UNTUK PROJEK RINTIS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE KERAJAAN PERUNTUK RM100 JUTA UNTUK PROJEK RINTIS -KPKM, SH -ONLINE MOHAMAD PROMOSI MAHA 2024 DI SABAH, NASIONAL, SH -7 MAHA 2024 ROADSHOW VISITS SABAH, NATION, THE STAR -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8.	PELAKSANAAN SBPKP DAN SIPP TIDAK LIBAT KAWASAN PROJEK RINTIS BAJA -KPKM, THE SUN -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
9. 10.	IHSAN TERHADAP HAIWAN, KUBELA, HM -35 RM1mil SHELTER FOR ANIMALS READY SOON, NEWS, THE STAR -5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
11. 12. 13.	FISHERIES SECTOR NEEDS TO SCALE UP TO MEET PRODUCTION TARGET, NATION, THE STAR -10 APMM RAMPAS 40 SET BUBU NAGA, LOKAL, HM -20 RM823 JUTA HASIL LAUT DICURI, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14. 15.	PESAWAH MASIH TERBEBAN DENGAN KOS OPERASI, NASIONAL, SH -22 KAJI SEMULA MASALAH LAMA MEMBELENGGU PESAWAH, NASIONAL, SH -22	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
16.	PRODUK NANAS TEMPATAN BAKAL TEMBUSI PASARAN ARAB, NASIONAL, BH -7	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
17. 18.	NELAYAN SELEWENG 1,920 LITER PETROL SUBSIDI DITAHAN KPDN, NEGARA, KOSMO -16 NELAYAN DITAHAN SIMPAN PETROL TANPA KEBENARAN, KEMAMAN, SH -24	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
19.	SINGAPORE OIL SPILL EXPECTED TO SEVERELY AFFECT PENERANG FISHERMEN FOR YEARS, NEWS, THE STAR -5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Nelayan Sandakan terima pelbagai bantuan di bawah KPKM



Golongan nelayan di Sandakan menerima pelbagai bantuan dan insentif daripada Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan yang pastinya dalam membantu menaik taraf kualiti hidup mereka.

SANDAKAN - Program Program Ramah Mesra MADANI YB Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Bersama Nelayan Sandakan, Sabah, hari ini

memberikan pelbagai 'rezeki' dan bantuan kepada golongan nelayan di daerah itu.

Program yang dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk mendekati golongan sasar (nelayan) khususnya di daerah Sandakan dan amnya di Negeri Sabah.

Dalam satu kenyataan media hari ini, LKIM menjelaskan program berkenaan juga bertujuan untuk mempromosikan Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA) 2024.

Pada majlis berkenaan, Mohamad menyampaikan beberapa bantuan penting, termasuk; penyerahan replika cek peruntukan Elaun Sara Hidup Nelayan Negeri Sabah bagi tahun 2023, di mana bantuan berkenaan bertujuan untuk meringankan beban hidup nelayan di negeri itu serta memastikan kelangsungan pendapatan mereka.

"Manakala inisiatif Peruntukan Baikpulih Rumah Nelayan di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) Negeri Sabah bagi Tahun 2024 pula bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup nelayan melalui penyediaan perumahan yang lebih selesa dan selamat.

"Mohamad turut menyerahkan Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) secara tunai kepada 848 ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sandakan yang layak." katanya.

Turut hadir dalam majlis ini, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali, Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari dan ketua-ketua jabatan serta agensi di bawah KPKM.



Mohamad (empat, kiri) menyerahkan replika cek Bantuan Sara Hidup Nelayan (BSHN) Negeri Sabah bagi tahun 2024 kepada wakilnya.

Menurut kenyataan itu lagi, penyerahan bantuan tersebut adalah satu langkah segera bagi membantu nelayan yang memerlukan dalam menghadapi cabaran kos sara hidup yang

semakin meningkat.

Dalam majlis yang sama, turut disampaikan adalah replika cek bagi bantuan ESHN negeri Sabah bagi tahun 2024 yang berjumlah RM21.1 juta setahun

“Bantuan ini melibatkan seramai 7,502 nelayan seluruh negeri Sabah dan bantuan ESH nelayan telah bermula pada tahun 2008 dengan objektif utamanya bagi membantu golongan nelayan meringankan bebanan menghadapi tekanan ekonomi yang disebabkan oleh kenaikan kos sara hidup.

“Menteri KPKM turut menyerahkan peruntukan bagi program Peningkatan Kapasiti Nelayan B40 negeri Sabah bagi tahun 2024 bernilai RM450,000.00. Bantuan ini melibatkan 45 penerima daripada Wilayah Sandakan dan Wilayah Tawau.

“Pada tahun 2023, bantuan juga disediakan dengan nilai peruntukan yang sama untuk Sabah, namun kawasan penerima bantuan lebih kepada Wilayah Kota Kinabalu. Objektif pemberian bantuan ini adalah bagi membantu meningkatkan pendapatan nelayan golongan B40 yang terlibat dalam aktiviti peningkatan ikan bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup nelayan,” ujarnya.



Ketibaan Mohamad dan rombongan Program Ramah Mesra MADANI YB Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Bersama Nelayan Sandakan menerima sambutan meriah daripada komuniti setempat.

Jelas kenyataan itu lagi, selain itu, program berkenaan juga bertujuan untuk meningkatkan

kecekapan serta kemahiran nelayan ke arah peningkatan produktiviti sektor perikanan.

“Bantuan berbentuk enjin sangkut berkapasiti 15 Kuasa Kuda (HP) akan diserahkan oleh Mohamad kepada masing-masing enam penerima daripada PNK Sandakan dan PNK Libaran.

“Penerima bantuan juga menerima turut menerima dua utas pukat tangsi setiap seorang,” katanya.

Menurut kenyataan itu, replika cek peruntukan Baik Pulih Rumah Nelayan di bawah PKPN Negeri Sabah bagi tahun 2024 bernilai RM1 Juta turut diserahkan pada program berkenaan.

Bantuan melibatkan lebih 60 rumah nelayan dengan kadar maksimum RM15,000.00 sebuah rumah.

“Projek yang telah dilaksanakan sejak tahun 2020 ini adalah bertujuan untuk memberikan kesejahteraan kepada keluarga nelayan agar dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.

“Manakala penyerahan Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) secara tunai bernilai lebih kurang RM254,400.00 kepada 848 orang penerima ahli PNK Sandakan di mana setiap penerima menerima RM300.00 secara tunai.

“Malah 10 nelayan PNK Sandakan turut menerima bantuan pukot tangsi di bawah peruntukan Program Peningkatan Kapasiti Nelayan B40,” katanya.



Warga nelayan Sandakan begitu teruja dengan kunjungan menteri KPKM ke daerah mereka.

Program ini diharapkan dapat memberikan manfaat langsung kepada golongan nelayan di daerah Sandakan dan seterusnya Negeri Sabah. Dengan pelaksanaan program ini, KPKM dan LKIM berharap

agar golongan nelayan akan terus menerima sokongan yang berterusan dan dapat meningkatkan kualiti hidup mereka seiring dengan kemajuan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Malaysia sasar pengeluaran 40 peratus sektor akuakultur menjelang 2030



Arthur berkata ketika ini, pengeluaran akuakultur mewakili 30 peratus daripada jumlah pengeluaran perikanan dan negara merekodkan penggunaan ikan serta produk perikanan per kapita pada 45 kilogram tahun lepas. - Foto fail/BERNAMA

GEORGE TOWN: Malaysia menyasarkan pengeluaran 40 peratus hasil sektor akuakultur menjelang 2030 dalam usaha membantu mengimbangi keperluan perikanan negara, kata Timbalan Menteri Pertanian

dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup.

Beliau berkata ketika ini, pengeluaran akuakultur mewakili 30 peratus daripada jumlah pengeluaran perikanan dan negara merekodkan penggunaan ikan serta produk perikanan per kapita pada 45 kilogram tahun lepas.

"Sektor itu juga menyokong 148,000 nelayan dan penternak akuakultur, jadi menyedari kepentingan sektor terbabit pelbagai usaha untuk mengurus serta membangunkan sektor perikanan secara mampan menjadi keutamaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memastikan kemakmuran dan kesejahteraan jangka panjang.

"Dalam memastikan sasaran itu dapat dicapai, kami juga mengambil beberapa langkah penting antaranya peralatan yang sesuai, mengaplikasikan penggunaan teknologi inovasi yang lebih cekap untuk memastikan kemampanan serta kecekapan industri perikanan termasuk usaha-usaha konservasi, dalam masa sama meningkatkan akta-kata berkaitan perikanan agar mampan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kongres Institut Antarabangsa Ekonomi dan Perdagangan Perikanan (IIFET) ke-21 di sini pada Selasa yang dianjurkan oleh WorldFish dan Jabatan Perikanan Malaysia bermula semalam hingga 19 Julai ini dengan mengumpulkan lebih 200 perwakilan dari dalam serta luar negara termasuk pakar global untuk membincangkan "Sistem Makanan Akuatik dalam Ekonomi Biru".

Kongres itu juga memberi tumpuan pada persilangan antara ekonomi dan perdagangan perikanan serta akuakultur dengan cabaran global utama termasuk kelestarian sistem makanan, ketidaksamaan ekonomi dan sosial yang semakin meningkat, krisis iklim serta kemungkinan pandemik pada masa depan.

Sementara itu, Arthur berkata sektor perikanan merupakan sebahagian penting daripada keselamatan makanan Malaysia, pembangunan sosioekonomi, peluang ekonomi dan perdagangan serta usaha perlindungan budaya dan alam sekitar.

Beliau berkata pada tahun lepas, sektor perikanan menghasilkan kira-kira 1.79 juta tan metrik ikan yang menyumbang 0.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan nilai dagangan sebanyak AS\$3.51 bilion.

"Menjelang 2030, kita perlu hasilkan 2.55 juta tan metrik ikan setahun untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, jadi kami menyasarkan untuk meningkatkan nisbah kecukupan sendiri atau kadar sara diri kepada 97 peratus menjelang 2030 daripada 90 peratus pada masa ini," katanya.

Justeru, beliau berkata penting untuk Malaysia mentransformasi sektor terbabit dengan menyediakan teknologi dan kapasiti teknikal yang diperlukan kepada petani serta nelayan untuk terus maju.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Sasar SSR perikanan cecah 97 peratus pada 2030 – Arthur Joseph



Arthur Joseph.

GEORGE TOWN – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi fokus kepada kemampuan industri perikanan negara bagi mencapai sasaran kadar sara diri (SSR) sebanyak 97 peratus menjelang 2030.

Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, perubahan harus dilaksanakan termasuk mengaplikasikan kaedah pengangkapan ikan lebih moden agar dapat mempertingkatkan kecekapan industri itu.

“SSR tahun lalu merekodkan 90.7 peratus jadi kita mahu apa yang digariskan dalam dasar agromakanan negara 2.0 dicapai menjelang 2030 iaitu SSR sebanyak 97 peratus.

“Untuk ke arah itu kita perlu melakukan dasar yang betul yang sesuai dan juga mengaplikasikan teknologi dan inivasi yang lebih cekap untuk memastikan kemampanan dan juga kecekapan industri perikanan kita.

“Malah, pemindahan kepada Akta 317 memastikan perikanan kita mampan dan dapat meningkatkan kepada sasaran yang ditetapkan kepada dalam dasar agromakanan negara itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Institut Antarabangsa Ekonomi dan Perdagangan Perikanan (IIFET) ke-21 di sebuah hotel di sini, hari ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, sejak 1 Mei lalu, pindaan di bawah Seksyen 26 Akta Perikanan 1985 (Akta 317) telah mengharamkan penggunaan bubu naga yang menyebabkan kerosakan ekosistem marin dalam usaha memastikan kaedah penangkapan lebih mampan.

Untuk rekod, jumlah pengeluaran perikanan negara mencecah hampir 1.79 tan metrik pada tahun lalu yang menyumbang 0.7 peratus pengeluaran dalam negara kasar (KDNK) dengan nilai pasaran 3.51 bilion Dolar Amerika Syarikat. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Kerajaan peruntuk RM100 juta untuk Projek Rintis



KUALA LUMPUR – Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta bagi Projek Rintis melalui inisiatif belanjawan 2024.

Projek tersebut melibatkan pakej pembekalan, penghantaran dan perkhidmatan aplikasi secara terus untuk baja sebatian, baja bio beserta baja organic di empat negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Terengganu

dan Kelantan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan berkata, pembekalan baja dilaksanakan secara pembajaan tepat dan khusus berdasarkan maklumat *soil profiling* yang telah disyorkan oleh Jabatan Pertanian mengikut status kesuburan tanah di Kawasan yang dikenalpasti.

“Pembekalan baja berdasarkan keperluan tanah serta penggunaan baja bio dan organik dalam penanaman padi di kawasan terpilih merupakan langkah permulaan kerajaan dalam usaha dan meningkatkan kesuburan tanah sekaligus menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran pada dan beras negara,” katanya.

Selain itu, pemberian subsidi dan insentif sedia ada iaitu Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) masih diteruskan.

“Walau bagaimanapun, pelaksanaan program tersebut tidak akan melibatkan kawasan yang terpilih di bawah Program Rintis.

“KPKM akan sentiasa memastikan kebajikan pesawah terjaga melalui pemberian subsidi dan insentif dari semasa ke semasa,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kerajaan peruntuk RM100 juta Projek Rintis - KPKM



Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi Projek Rintis melalui inisiatif Belanjawan 2024.
Gambar hiasan

SHAH ALAM - Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi Projek Rintis melalui inisiatif Belanjawan 2024.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan berkata, projek tersebut melibatkan pakej pembekalan, penghantaran dan perkhidmatan aplikasi secara terus untuk baja sebatian, bio serta organik di empat negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Terengganu termasuk Kelantan.

"Melalui Projek Rintis ini, pembekalan baja dilaksanakan secara pembajaan tepat dan khusus berdasarkan maklumat 'soil profiling' yang disyorkan Jabatan Pertanian mengikut status kesuburan tanah di kawasan yang telah dikenal pasti.

"Ia merupakan langkah permulaan kerajaan dalam usaha memulih dan meningkatkan kesuburan tanah sekali gus menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran padi serta beras negara," katanya pada Selasa.

KPKM berkata demikian merujuk kepada berita yang diterbitkan sebuah portal tempatan bertajuk Kesan Penarikan Skim Baja Padi Buat Petani yang disiarkan pada 11 Julai lalu.

Tambah kenyataan tersebut, program pemberian subsidi dan insentif sedia ada iaitu Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) masih diteruskan oleh pihaknya.

"Walau bagaimanapun, pelaksanaan program SBPKP dan SIPP sedia ada ini tidak akan melibatkan kawasan yang telah terpilih di bawah Program Rintis.

"KPKM akan sentiasa memastikan kebajikan pesawah terjaga melalui pemberian subsidi dan insentif dari semasa ke semasa," katanya.

Mohamad promosi MAHA 2024 di Sabah

Salur pelbagai
bantuan untuk manfaat
penduduk Sabah

SHAH ALAM

Penganjuran ke-100 tahun Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 pada tahun ini membuktikan keberadaannya seiring revolusi global dalam memacu ekonomi terus megah di persada dunia.

Bermula pada tahun 1923, MAHA kini telah menjadi pameran sektor pertanian yang sentiasa dinanti oleh segenap lapisan masyarakat kerana membawa elemen teknologi terkini dan penekanan pameran bersifat interaktif dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, meraikan 100 tahun penganjuran MAHA, Kementerian akan memberi penekanan kepada elemen yang akan mengangkatnya ke peringkat antarabangsa dengan penglibatan serta penyertaan daripada pelbagai negara.

Terbaharu, Mohamad mengetuai Konvoi Jelajah Road To MAHA @Sabah 2024, yang menjelajah ke beberapa lokasi pertanian di Sabah selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Julai di Kota Kinabalu, Kota Belud, Kuching, Telupid dan berakhir di Sandakan.

Menurut Mohamad, penganjuran konvoi ini bersempena MAHA 2024 yang akan berlangsung pada 11 hingga 22 September di MAEPS, Serdang, Selangor.

"Bertemakan *Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom* atau Menuai Harapan Membina Masa Hadapan, mencerminkan aspirasi KPKM untuk menuai kejayaan di masa hadapan dengan usaha dan inovasi yang diterokai pada hari ini.

"Misi dan objektif program jelajah ini adalah untuk mempromosikan MAHA 2024 sebagai satu ekspso pertanian terbesar merangkumi pameran teknologi terbaharu, pemodenan dan pertanian



Mohamad bersama orang ramai dalam salah satu program yang dihadiri sempena Konvoi Jelajah Road To MAHA @Sabah 2024, yang menjelajah ke beberapa lokasi pertanian di Sabah selama tiga hari.

pintar serta solusi hijau yang akan menentukan arah baru sektor agrikultur Malaysia," kata Mohamad.

Program Konvoi Jelajah Road To MAHA @Sabah 2024 melibatkan penganjuran Program Jualan Agro MADANI, Mini MAHA dan *Rhythm Of The Farmers* di Dataran Harbour Mall, Sandakan sebagai pengisian.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Arthur Joseph Kurup; Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali; Ketua-Ketua Jabatan, agensi persekutuan dan negeri serta pegawai-pegawai kanan kementerian.

Kehadiran yang dinantikan

Menurut Mohamad, konvoi itu dilihat amat signifikan untuk meningkatkan aktiviti promosi dan memberi kesedaran awal kepada kumpulan sasar terutamanya rakyat Sabah berkaitan MAHA 2024.

Sepanjang tiga hari berada di Sabah, Mohamad mengadakan lawatan kerja rasmi ke Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di Kota Belud, Desa Dairy Farm di Kuching dan usahawan pertanian di sekitar daerah Ranau.

Manakala pada hari kedua beliau dan peserta konvoi telah ke Telupid bagi menghadiri program Walkabout Tamu Pekan Telupid dan Penyerahan Pasar Tamu sebelum meneruskan perjalanan

ke tapak Majlis Perasmian Road To MAHA @Sabah 2024 di Sandakan.

Menurut Mohamad, lawatan pertama peserta konvoi ialah ke ke SMART SBB Ala Sekinchan di bawah seliaan syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

"Program SMART SBB di Sabah berjaya meningkatkan hasil daripada 2.8 metrik tan kepada 4.22 metrik tan iaitu peningkatan sebanyak 50 peratus dan ia juga berjaya menarik minat sebuah kilang tempatan iaitu Kilang Padi Sri Sino Sdn Bhd yang menyasarkan keluasan keseluruhan 100 hektar bagi program ini," kata Mohamad.

Pada hari kedua pula, Mohamad dan peserta konvoi menghadiri Majlis Penyerahan Pasar Tamu Telupid kepada Majlis Daerah Telupid Sempena Road To MAHA 2024 @ Sabah.

Menurut Mohamad, KPKM menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam usaha mentransformasikan operasi Pasar Tamu tanpa menghilangkan identiti keunikannya.

Dalam lawatan itu, Mohamad mengumumkan pembinaan projek naik taraf Pasar Tamu Telupid telah bermula pada 20 Mac 2023 dan siap sepenuhnya pada 18 Mac 2024 dengan kos RM852,000 sekali gus memberikan

peluang dan manfaat kepada 100 orang usahawan untuk menjalankan aktiviti perniagaan di sini.

Dalam masa sama, turut berlangsung program Jualan Agro MADANI yang menawarkan jualan pelbagai barangan keperluan agromakanan pada harga 10 peratus hingga 30 peratus harga yang lebih murah.

Manfaat penduduk

KPKM juga tidak melupakan golongan nelayan apabila dalam konvoi itu, Mohamad telah menyampaikan beberapa bantuan kepada mereka pada hari ketiga.

Mohamad berkata, nelayan merupakan penyumbang penting dalam memajukan sektor perikanan di kawasan Sabah dan membantu dalam memastikan bekalan makanan dalam negara kita sentiasa cukup dan terjamin.

"KPKM dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memastikan kebajikan nelayan sentiasa terbelas.

"Justeru itu, pemberian bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan tetap diteruskan bagi memberi manfaat kepada 38,000 nelayan di seluruh Malaysia dengan peruntukan berjumlah RM136.8 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 7,502 penerima bantuan adalah nelayan-nelayan di negeri Sabah," kata Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan turut menyalurkan pelbagai bentuk bantuan lain seperti Program Peningkatan Kapasiti Nelayan B40, Projek Khas Perumahan Nelayan, Skim Perlindungan Keselamatan Nelayan dan Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

"Kerajaan juga pada tahun ini masih meneruskan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan di mana pada tahun 2024, kuota diesel bersubsidi yang diluluskan adalah sebanyak 70 juta liter sebulan dengan kadar harga subsidi ditetapkan adalah RM1.65 seliter bagi diesel dan petrol.

"Alhamdulillah untuk negeri Sabah, seramai 6,782 nelayan telah menikmati subsidi ini. Selain itu, peruntukan berjumlah RM3 juta telah diluluskan untuk Program Peningkatan Kapasiti Nelayan B40.

Di Sabah pula, negeri Sabah, sebanyak RM450,000 telah disalurkan melibatkan kira-kira 30 orang penerima," katanya.

Mohamad berkata, pada tahun ini, peruntukan sebanyak RM1 juta telah diluluskan untuk Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) negeri Sabah bagi tahun 2024 melibatkan lebih 60 buah rumah nelayan dengan tujuan untuk memberikan kesejahteraan kepada keluarga nelayan agar dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.

"Semua insentif ini membuktikan kerajaan amat komited membantu meringankan beban nelayan selain berusaha meningkatkan lagi taraf ekonomi nelayan di negara ini," katanya.



Mohamad (empat dari kanan) menyampaikan cek kepada penerima (kanan) Program Pembangunan Pengurusan Teknologi Pertanian secara Lestari dan Program Pemulihan Tanah Sawah bernilai RM1.8 juta.



Mohamad (tengah) menyampaikan bakul sumbangan kepada salah seorang penerima ketika mengadakan lawatan ke Pasar Tamu.

By SANDRA SOKIAL
newsdesk@thestar.com.my

FROM Kota Kinabalu to Sandakan, Sabahans in these parts of the state had the opportunity to enjoy a preview of South-East Asia's biggest agricultural, horticulture and agrotourism event, recently.

Aimed at promoting the celebration of the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition's (MAHA) the 100th anniversary, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the event is expected to attract around three million visitors to the Malaysia Agro Exposition Park Serdang from Sept 11 to 22.

"This year marks a century since the inception of this significant event which has grown to become one of the largest and most influential agricultural expos in the South-East Asian region," he said.

Apart from focusing on domestic participants, in line with its theme, MAHA 2024 Go Global, they expect a larger participation from foreign countries sharing their expertise and technologies on the field.

Mohamad said Sabah was included in their roadshow itinerary, recognising the state's significant role on agriculture and agrotourism.

Travelling 70km northeast from Sabah's state capital of Kota Kinabalu, Mohamad highlighted Kota Belud's promising potential for paddy cultivation.

He noted the district's transition from traditional to smart farming practices, echoing advancements seen in Peninsular Malaysia.

"By improving techniques in rice cultivation and enhancing seed

MAHA 2024 ROADSHOW VISITS SABAH



Mohamad (middle in white, standing) with Farmers' Organisation Authority chairman Datuk Mahfuz Omar (right of Mohamad, in light blue) and the Sandakan community at the MAHA 2024 roadshow.

quality, our goal is to achieve a yield of at least 10 tonnes per hectare in the near future, a benchmark already reached in parts of Peninsular Malaysia," he said.

Mohamad added that while yields have increased from two tonnes to four tonnes, the goal is to reach 10 tonnes, enabling Sabah to produce 60% of its rice needs.

However, he expressed optimism about securing additional funding to also upgrade the irrigation system.

"Currently, rice is cultivated twice a year here, compared to three to four times in other regions. Our ongoing monitoring by dedicated officers will ensure the success of these initiatives, ultimately enhancing rice production. The journey continued to Desa

Dairy Farm at the foothills of Mount Kinabalu, with its views of its lush pastures.

Celebrated for its dairy production, the farm is home to a herd of Holstein-Friesian cattle known for their exceptional milk yield.

Desa Dairy Farm also serves as a popular tourist destination and educational centre, attracting approximately 70,000 visitors per month. A highlight here is the opportunity to sample and purchase fresh dairy products such as pasteurised milk, yoghurt and cheese, all locally renowned for their quality and freshness.

In Kundasang, an allocation of RM2mil was approved by Mohamad for the expansion of a 100ha plot in Sook, Keningau, dedicated to growing green corn for

animal feed.

"The collaboration involving Desa Cattle, the Farmers' Organisation Authority and the Nabawan Farmer's Association aims to enhance green corn cultivation by 2024.

"Earlier this year, priorities were set for various agricultural sectors, with a focus on funding and technical support.

"Corn plays a vital role as it is a crucial animal feed," said his ministry's secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali.

He highlighted the promising business model for ensuring national food security.

Next Mohamad visited Telupid, approximately 90km from Kundasang, where he inspected the modern tamu (open market) ground constructed by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) a year ago.

"This tamu ground is one of the six upgraded by Fama, including five others in Sook, Keningau, Tomborongus in Kudat, Kunak, Beluran, and Tuaran.

"These enhancements aim to enable rural farmers to sell their products directly to consumers.

"Such collaborative efforts by Fama and state and federal governments are crucial for Sabah's ongoing development, particularly in infrastructure," he noted.

Laimah Limbas, a farmer from Kampung Ulu Barason-Wonod, expressed gratitude to Fama for the covered tamu ground saying, "I now have a dedicated place to sell locally grown fruit products."

Supiah Piloh agreed remarking, "Not only do we have shelter, but

it's also equipped with fans."

The four-day journey concluded with an event in Sandakan.

Here, the focus was on improving the fishermen's livelihoods through a collaboration between state and federal authorities, as living allowances to 7,502 fishermen across the state.

Mohamad emphasised that RM450,000 has been allocated to 30 fishermen in Sabah to enhance the capacity of B40 fishermen, aiming to uplift their living standards and skills.

Various forms of assistance were also provided to fishermen groups in Sabah.

He also highlighted the allocation of RM1mil for a special housing project involving 60 fishermen's houses in Sabah to enhance their livelihoods.

Mohamad reiterated that the government continues the diesel and petrol subsidy scheme for fishermen, with a monthly subsidised quota of 70 million litres.

"These initiatives underscore the government's dedication to easing the burden on fishermen while striving to improve their economic standing," he affirmed.

Asmadi Haji Jaffar from Sandakan town expressed gratitude for the RM300 living allowance, which he said would alleviate financial pressures.

"This assistance is a relief, especially with a four-year-old child and a wife to support," he shared.

A similar roadshow is planned for Johor and will soon expand on a larger scale in Klang Valley, Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2024	THE SUN	ONLINE	

Pelaksanaan SBPKP dan SIPP tidak libat kawasan projek rintis baja - KPKM



PUTRAJAYA: Pelaksanaan program Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) sedia ada tidak melibatkan kawasan terpilih di bawah Program Rintis, demikian menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Pelaksanaan SBPKP dan SIPP masih diteruskan dan pada masa sama akan memastikan kebajikan pesawah terjaga melalui pemberian subsidi serta insentif dari semasa ke semasa.

Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi Projek Rintis melalui inisiatif Belanjawan 2024 iaitu melibatkan pakej pembekalan, penghantaran dan perkhidmatan aplikasi secara terus untuk baja sebatian, baja bio serta baja organik di Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Kelantan.

“Melalui projek rintis ini, pembekalan baja dilaksanakan secara pembajaan tepat dan khusus berdasarkan maklumat soil profiling yang disyorkan Jabatan Pertanian mengikut status kesuburan tanah di kawasan yang dikenal pasti.

“Pembekalan baja berdasarkan mengikut keperluan tanah serta penggunaan baja bio dan organik dalam penanaman padi di kawasan terpilih ialah langkah permulaan kerajaan dalam usaha memulih dan meningkatkan kesuburan tanah sekali gus menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran padi dan beras negara,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu sebagai maklum balas kepada laporan sebuah media dalam talian yang mendakwa penarikan skim baja padi akan memberi kesan kepada petani selain menggesa KPKM mempertimbangkan dengan lebih mendalam implikasi projek itu terhadap petani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2024	HARIAN METRO	KU BELA	35



IHSAN TERHADAP HAIWAN

Penguatkuasaan Akta Binatang 1953, Akta Kebajikan Haiwan 2015 beri kesedaran tanggungjawab jaga kebajikan serta lindungi haiwan

Oleh Muhaamad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my

Kini kita dapat melihat trend masyarakat di negara ini yang membela haiwan kesayangan terutama kucing tinggal bersama-sama dalam rumah dan dianggap sebagai sebahagian daripada ahli keluarga mereka.

Apabila haiwan kesayangan dianggap sebagai anggota keluarga, keperluan kehidupan haiwan kesayangan ini turut dijaga dengan baik sama seperti yang diberikan kepada ahli keluarga lain.

Biarpun begitu ada segelintir individu yang menganiaya dan mengabaikan kebajikan haiwan dengan bertindak kejam mendera dan membunuh haiwan peliharaan.

Secara umumnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengklasikan dua kesalahan utama terhadap kes yang diterima iaitu kes penganiayaan (membunuh, meracun, memukul dan sebagainya) dan kes kebajikan haiwan (mengabaikan dengan tidak memberi makan minum yang mencukupi, meletakkan haiwan di persekitaran yang tidak sesuai, menyekat tabiat semula jadi haiwan).

Pada tahun lalu sehingga September sahaja, JPV menerima 1,987 aduan dari seluruh negara berhubung penganiayaan dan pengabaian haiwan berbanding 1,580 aduan yang diterima pada 2022.

Bagi menangani perkara ini daripada terus berleluasa, ada dua akta utama yang diperkenalkan bagi mengawal

selia kebajikan dan penganiayaan terhadap haiwan iaitu Akta Binatang 1953 dan Akta Kebajikan Haiwan 2015.

JPV dalam satu kenyataan berkata, mengikut Akta Binatang 1953, ada peruntukan bagi tujuan mencegah penganiayaan kepada haiwan.

"Sebagai usaha untuk menambah baik kawal selia membabitkan haiwan, kerajaan sudah menggubal satu lagi perundangan yang dinamakan sebagai Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Akta ini menyediakan kedua-dua peruntukan di mana selain daripada pencegahan kepada penganiayaan turut disediakan peruntukan kepada keperluan untuk menjaga kebajikan haiwan," katanya.

Mengulas lanjut, Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang dikuat kuasa mulai Julai 2017 memberi penekanan kepada pemilikan haiwan yang bertanggungjawab.

"Pemilik haiwan perlu memastikan semua keperluan kebajikan haiwan yang mereka miliki dapat dipenuhi termasuk keperluan kepada persekitaran yang sesuai, keperluan untuk diet yang sesuai dan keperluan untuk membolehkannya mempamer corak kelakuan semula jadi.

"Pada masa sama, pemilik perlu pastikan keperluan untuk haiwan peliharaan ditempatkan bersama atau berasingan daripada haiwan lain dan keperluan untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

"Penguatkuasaan akta



PEMILIK haiwan bertanggungjawab menyediakan keperluan kepada persekitaran yang sesuai.



DIET bersesuaian perlu disediakan kepada haiwan peliharaan.



KEBAJIKAN haiwan di negara ini menjadi tanggungjawab semua pihak.

ini turut memberi impak besar kepada masyarakat di negara ini di mana ia berjaya memberi kesedaran kepada rakyat supaya bertanggungjawab kepada haiwan dengan memastikan lima keperluan asas kebajikan haiwan dipenuhi," katanya.

Menurutnya, sejak Akta Kebajikan Haiwan 2015 mula dikuat kuasa di negara ini, jumlah aduan yang diterima semakin bertambah.

"Promosi yang dijalankan JPV menyebabkan masyarakat semakin sedar mengenai kepentingan kebajikan haiwan di negara ini.

"Selain itu, penambahbaikan yang dibuat dalam pengurusan aduan secara atas talian juga menyebabkan bilangan aduan yang diterima semakin bertambah," katanya.

Katanya, JPV giat menjalankan aktiviti

kawal selia bagi memantau aktiviti yang membabitkan haiwan bukan sahaja dibuat berdasarkan aduan orang ramai terhadap pemilik haiwan semata-mata.

Ia turut dilakukan di premis yang menjalankan aktiviti membabitkan haiwan termasuk kedai jualan haiwan, pusat perlindungan haiwan dan pusat penginapan haiwan.

"Sekiranya ada kesalahan yang berlaku oleh pemilik haiwan kerana tidak mematuhi piawaian kebajikan haiwan, mereka boleh dikenakan tindakan jika disabitkan mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang bertujuan memberi pengajaran kepada pemilik haiwan supaya menjadi pemilik lebih bertanggungjawab dan pada masa sama dijadikan pengajaran kepada masyarakat di negara ini," katanya.

JPV mengharapkan supaya semua pihak di negara ini bersama-sama membendung masalah pengabaian dan penganiayaan kepada haiwan.

"Memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kebajikan haiwan di negara ini bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata, malah ia menjadi tanggungjawab semua pihak.

"Kerjasama semua pihak amat diperlukan bukan sahaja dengan agensi kerajaan bahkan badan bukan kerajaan (NGO), persatuan, pihak swasta, jawatankuasa komuniti masyarakat dan lain-lain amat diperlukan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai," katanya.

JOHOR

By HEMAN HORBIN

hemahorbin@thestar.com.my

PASIR Gudang City Council has approved a plan to build an animal shelter for stray cats and dogs.

A plan by the city council to build an animal shelter for stray cats and dogs, which received about 20 reports on stray animals daily, thus a shelter was needed.

"The shelter development started last October and is expected to be completed next month."

"The development cost is about RM1 million (construction and furniture) and will be funded by the city council and the MRCG Dynamic Sports Day at UTC Pasir Gudang, which attracted about 10,000 visitors."

She said the shelter was being built over a land area of 1,452 sqm.

The one-storey building is estimated to be able to accommodate 50 animals at any time and will have its own veterinary clinic.

Nurul Ashikin added that the shelter will not only be for stray animals but also other local animals, such as dogs, cats, and birds.

"We will still provide shelter for stray animals, but we will also provide shelter for other animals," she said.

The council was planning to hire at least four contractors to catch stray animals and bring them to the shelter.

She added that the council would also be working together with the MRCG Dynamic Sports Day at UTC Pasir Gudang to ensure the animals caught were free from diseases and not infected.

"We want to create a shelter that is not solely for addressing complaints but at the same time, for treating stray animals humanely," she said.

Nurul Ashikin said the council would ensure that the shelter's location was not near their homes, as it would not be a pleasant sight for families to spend time near a place for stray animals.

When asked about the cost, Nurul Ashikin said the cost was RM1 million.

"This fresh and cheap sea-

food and is about 20 minutes from the city centre."

